BANDARAYA JOHOR BAHRU

suara cakna komuniti anda
**Sinar** harian

16 JANUARI 2018

# Media sosial perlu lebih beretika




**Anis memberi penerangan kepada Amran berkaitan Pelan Integriti Nasional (PIN).**

**JOHOR BAHRU** - Institut Integriti Malaysia (Integriti) mahu pengguna media sosial di negara ini, lebih beretika terutama dalam menyebarkan maklumat di medium tersebut.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Integriti, Datuk Dr Anis Yusal Yussof berkata, golongan itu diingatkan agar tidak menipu malah memberikan maklumat atau berita palsu di dalam media sosial.

"Sebab itu saranan saya, integriti sangat penting. Bukan pengamal media biasa sahaja perlu kepada pemberita ketika ditemui selepas hadir ke Program Integriti Bersama Peniaga anjuran bersama Integriti dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di sini, semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar MBJB, Amran A Rahman.

Dalam isu sama, beliau menegaskan Integriti akan terus menggerakkan usaha bagi menyebar luas dan memberi kefahaman kepada masyarakat termasuklah di peringkat akar umbi berkaitan Pelan Integriti Nasional (PIN).

pada masyarakat, maka susah untuk kita bercakap sebagai sebuah negara," katanya.

Anis berkata, pihaknya juga akan turun ke peringkat daerah dan memberi kefahaman dan kesedaran berkaitan lapan sektor PIN iaitu pentadbiran, politik, ekonomi, agama, sosiobudaya, masyarakat sivil, keluarga serta komuniti.

"Jadi seperti hari ini (semalam), ia berkaitan sektor ekonomi yang melibatkan para peniaga.

"Walaupun peniaga kecil me-

## MBJB semak, susun semula pemegang lesen niaga

**JOHOR BAHRU** - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan melaksanakan semakan dan saringan ke atas semua lesen perniagaan dalam kalangan peniaga di dalam kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar MBJB, Amran A Rahman berkata, langkah tersebut bagi mengenal pasti status keaktifan peniaga-peniaga yang berdaftar di kawasan MBJB.

Menurutnya, kira-kira 25,000 lesen perniagaan dikenal pasti masih aktif di mana 6,000 daripadanya merupakan peniaga kecil.

"Kita akan membuat 'pembersihan' lesen kerana ada lesen yang sudah tidak aktif.

"Kalau ikut rekod kita, sampai 36,000 lesen perniagaan ada. Tapi ada yang aktif, ada yang tak aktif. Jadi kita akan buat semakan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Program Integriti Bersama Peniaga anjuran bersama Institut Integriti Malaysia (Integriti) dan MBJB di sini, semalam.

Amran berkata, MBJB akan

> ***"Isu-isu peniaga warga asing pun kita akan lihat agar ia dapat diatasi. Ini Ahli Majlis (MBJB) akan bantu, malah mereka lebih dekat dengan masyarakat tempatan,"***
>
> *- Amran A Rahman*

pun kita akan lihat agar ia dapat diatasi. Ini Ahli Majlis (MBJB) akan bantu, malah mereka lebih dekat dengan masyarakat tempatan," katanya.

Selain itu, beliau menyeru peniaga untuk bernaung atau menyertai persatuan peniaga